



Aplikasi *al-Tabayyun* dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal

Mohd Anuar Ramli¹

Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli²

Mohammad Naqib Hamdan³

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar⁴

ABSTRAK

Kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah memberi kesan terhadap perubahan gaya hidup manusia. Gabungan antara kecanggihan teknologi gajet dan capaian jalur lebar telah memudahkan urusan interaksi harian manusia sama ada dalam bentuk audio maupun visual. Implikasinya, tiap maklumat dapat disebarluaskan dengan pantas lagi tuntas. Kebelakangan ini, fenomena penularan dan perkongsian maklumat makin menjadi tren dalam kalangan pengguna media sosial baharu. Ia melibatkan pelbagai kategori maklumat, antaranya berita jenayah, tragedi, kemalangan, malah ada juga unsur tokok tambah dan pemalsuan. Situasi ini tidak terkecuali tempiasnya kepada industri halal. Dalam kerancakan pertumbuhan ekosistem halal lokal dan global, terdapat juga anasir-anasir negatif yang mengganggu-gugat. Wujud segelintir pengguna media sosial yang menyebarkan maklumat halal palsu terutamanya melibatkan elemen haram dan najis umpama khinzir dan deravatifnya, alcohol dan seumpamanya. Ia bukan sahaja melibatkan serangan terhadap sesuatu produk semata-mata, malah menimbulkan implikasi terhadap para pengguna, pengusaha industri dan pihak autoriti halal. Sehubungan itu kajian ini membincangkan tentang penularan maklumat palsu berkaitan dengan produk halal dalam pasaran, medium penularan serta kesannya terhadap industri halal. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan pandangan Islam terhadap penularan maklumat tersebut berdasarkan hujah daripada al-Quran dan al-Sunnah. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji mengaplikasikan kajian kepustakaan dengan meneliti literatur yang berkaitan sama ada dari laman web, akhbar, serta bahan bercetak seperti buku dan artikel jurnal. Data kualitatif ini dianalisis secara induktif untuk merumuskan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati, isu-isu halal yang palsu ini disebarluaskan tanpa penelitian yang khusus dan menimbulkan kesan negatif kepada pihak-pihak. Justeru kajian juga mencadangkan kriteria penapisan maklumat berteraskan syariat Islam agar isu yang tidak tepat ini dapat ditangani dengan baik dalam

¹ Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

² Pembantu Penyelidik, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

³ Pelajar Pasca Siswazah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

⁴ Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan serantau umumnya di samping pertumbuhan industri halal mampu berkembang dengan pesat.

Kata kunci: ekosistem halal, maklumat halal palsu, verifikasi data, pengguna, kepenggunaan Islam

PENDAHULUAN

Era digitalisasi yang mewarnai Revolusi Industri 4.0 telah menjangkaui norma dan nilai agama dalam kebudayaan masyarakat manusia. Dasar langit terbuka dan maklumat di hujung jari telah memberikan kebebasan kepada pengguna untuk menguruskannya sama ada dalam kerangka yang positif atau negatif. Dewasa ini, pelbagai jenis maklumat yang dicipta atau dihasilkan oleh pihak-pihak dengan pelbagai objektif tersendiri. Maklumat ini kemudiannya disebarluaskan kepada pihak kedua dan dikongsikan dengan pihak ketiga dan seterusnya dengan pihak lain dengan medium jaringan sosial dan berbagai jenis media sosial baharu. Kandungan mesej yang ditularkan adakah benar dan juga palsu.

Ekoran daripada meningkatnya kes penularan maklumat palsu, pihak kerajaan telah mengambil tindakan proaktif dengan mewujudkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang memperuntukkan hukuman berat dengan hukuman bagi penghasil, penerbit dan penyebarnya, iaitu: 1. Denda maksimum RM500,000 dan 10 tahun penjara atau kedua-duanya, 2. Denda maksimum RM3,000 sehari jika kesalahan berterusan selepas disabitkan kesalahan.

Ironinya, dalam kerancakan pertumbuhan industri halal global, wujud pelbagai tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh merosakkan ekosistem halal peringkat lokal maupun global. Antaranya adalah penularan maklumat halal palsu. Perkembangannya seiring dengan kemajuan sains dan teknologi.⁵ Kalau peringkat awalnya, ia bermula dengan surat berantai, diikuti emel dan mesej berangkai. Namun kini, penularannya lebih kompleks dengan berbagai media sosial baharu seperti facebook, instagram, whatsapp, twitter dan seumpamanya. Penularannya tidak terhad kepada isu yang berkaitan dengan produk makanan semata-mata, malah melangkaui produk bukan makanan. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan tentang isu-isu berkaitan maklumat halal palsu serta aplikasi konsep *al-tabayyun* dalam verifikasi data.

ISU-ISU MAKLUMAT PALSU BERKAITAN PRODUK HALAL

Dalam penelitian pengkaji, terdapat pelbagai isu yang melibatkan penularan maklumat palsu berkaitan produk halal. Serangan terhadap produk halal ini biasanya dengan cara memanipulasikan unsur yang sensitif dalam kalangan pengguna Muslim. Antaranya dikaitkan dengan unsur derivatif khinzir, alkohol, sembelihan dan juga kebersihan.

i. Isu-isu yang berkaitan dengan khinzir dan derivatifnya

Secara asasnya, khinzir merupakan binatang yang diharamkan dalam Islam. Pengharamannya jelas dalam al-Qur'an dan al-Sunnah serta ijma para ulama.⁶ Kebiasaannya, isu yang melibatkan khinzir dan deravatifnya menjadi pilihan sumber pemalsuan maklumat tentang

⁵ Cameron H. Malin, Terry Gudaitis, Thomas J. Holt, Max Kilger, *Viral Influence: Deceptive Computing Attacks Through Persuasion*, Editor(s): Cameron H. Malin, Terry Gudaitis, Thomas J. Holt, Max Kilger, *Deception in the Digital Age*, United Kingdom: Academic Press, 2017, 77-124.

⁶ Muhammad bin Ibrahim bin al-Munzir al-Naysaburi. *al-Ijma'*, cet. 2, (Daulah al-Imarat al-'Arabiyyah al-Muttahidah : Maktabah al-Furqan, 1999), 177.

produk halal. Ini kerana masyarakat Melayu Islam berasa sensitif dengan haiwan tersebut. Dan dalam masa yang sama haiwan terlarang tersebut mempunyai 1001 manfaat.⁷ Ia banyak dimanfaatkan dalam penghasilan produk makanan.⁸ Penularan maklumat halal palsu yang dikaitkan dengan khinzir dan derivatifnya merangkumi produk makanan dan bukan makanan. Antaranya adalah:

- a) Coklat Cadbury.⁹ Coklat ini dikatakan mengandungi DNA khinzir hasil analisis makmal pihak berkenaan. Ia menjadi polemik hangat dalam masyarakat Islam selepas disebarluaskan secara meluas. Nama Kementerian Kesihatan Malaysia diletakkan untuk meyakinkan masyarakat Islam. Isu ini ditangani oleh JAKIM dan disahkan tidak benar.¹⁰
- b) Mee Segera jenama PAMA. Mee ini dikatakan tidak halal kerana mengandungi derivatif babi. Menerusi kenyataan rasmi JAKIM, isu Mee Segera PAMA tidak halal adalah tidak benar sama sekali. Tambah pihak JAKIM lagi, produk jenama PAMA adalah pemegang sijil halal JAKIM yang sah.¹¹
- c) Produk restoran Coffee Bean dan Starbuck,¹² Chocolate, Vanilla dan Coffee Drinks di Coffee Bean dan Starbuck mengandungi E471 (Emulsifier 471). Produk-produk makanan dan minuman restoran ini dikatakan haram kerana terdapat DNA khinzir dalam produk yang dijual.¹³
- d) Gula-gula Kopiko LA Coffee dan Kopiko 3-in-1.¹⁴ Produk ini dikatakan mengandungi gelatin dari lemak khinzir dengan penggunaan kod E472e. Sedangkan ia menggunakan bahan bersumberkan nabati.
- e) Roti High5 keluaran syarikat Silverbirds yang didakwa bercampur dengan lemak babi.¹⁵
- f) Produk makanan dalam tin.¹⁶ Contohnya buah laici dalam tin yang didakwa produk-produk ini mengandungi lemak khinzir.
- g) Produk kosmetik simply siti. Produk ini didakwa tidak halal kerana diperbuat dari bulu khinzir.¹⁷ Penyebar menggunakan nama JAKIM untuk meyakinkan pengguna.
- h) Ajinomoto.¹⁸ Perisa makanan tambahan ini dikatakan menggunakan derivatif khinzir dalam penghasilannya.¹⁹

⁷ Mohd Afifuddin Mohamad et al. *Islam dan Sains Kesihatan: Mudarat dan Manfaat Babi*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014), 69.

⁸ Hassan Ibrahim Abdullah Amqizal, Hassan Abdullah Al-Kahtani, Elsayed Ali Ismail, Khizar Hayat, Irwandi Jaswir, Identification and verification of porcine DNA in commercial gelatin and gelatin containing processed foods, *Food Control*, 78, 2017, 297-303.

⁹ <http://www.beritasemasa.com.my/coklat-cadbury-malaysia-dna-babi-jakim-kkm/> diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁰ Nurhafilah Musa, Nazri Muslim, Mohd Fakaruddeen Che Omar & Asmak Husin, The Cadbury Controversy: Blessings in Disguise? *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*, (Springer, 2016), 95-104.

¹¹ <https://www.facebook.com/berita0nline/posts/710374762365980/> diaksess pada 6 Januari 2018.

¹² <http://truthhalal.my/starbucks-disahkan-haram-oleh-jakim/> diaksess pada 6 Januari 2018.

¹³ <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/berita/244-isu-berkenaan-aduan-starbuck-coffee/> diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁴ https://www.facebook.com/shbtHalal/posts/497782060334173?stream_ref=5 diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁵ <https://go4halal.wordpress.com/halalharam/> diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁶ lemak babi dalam lychee, malayn3um.blogspot.com/2010/08/lemak-babi-dlm-lychee-aku.html/ diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁷ Produk Simply Siti Tidak Halal Diperbuat Dari Bulu Babi, <http://www.melvister.com/2011/08/produk-simply-siti-tidak-halal-diperbuat-dari-bulu-babi.html#ixzz3fSWWeui> diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁸ [http://gempaqgiler.blogspot.com/2013/09/senarai-makanan-mengandungi-unsur-babi.html/](http://gempaqgiler.blogspot.com/2013/09/senarai-makanan-mengandungi-unsur-babi.html) diaksess pada 6 Januari 2018.

¹⁹ <http://www.suara.tv/2015/05/29/jakim-nafi-ajinomoto-guna-sumber-babi/> diaksess pada 6 Januari 2018.

- i) Senarai panjang produk makanan dan penjagaan diri yang mengandungi derivatif khinzir.²⁰

ii. Isu-isu melibatkan arak (khamar)

Arak (*khamr*) merupakan di antara bahan yang diharamkan dalam Islam. Semua jenis minuman yang memabukkan yang dihasilkan daripada apa juga bahan seperti perahan anggur, nira, barli, beras, ubi kentang, jagung, gandum dan buah-buahan²¹ atau biji-bijian yang lain dikategorikan sebagai arak.²² Penularan maklumat halal palsu yang dikaitkan dengan arak dalam produk makanan dan minuman. Antaranya adalah:

- a) Biskut keluaran Munchy's. Produk keluaran Munchy's didakwa dicampur dengan arak. Ketika serbuan di kilang berkenaan, terdapat stor penyimpanan arak yang digunakan sebagai salah satu bahan dalam biskut, keluaran syarikat²³.
- b) Logo halal pada tin minuman keras Carlsberg. Dalam isu ini, logo halal diletakkan pada luar tin produk minuman keras yang statusnya haram²⁴.

iii. Isu-isu melibatkan sembelihan dan sumber bangkai

Secara asasnya, semua sumber makanan yang berasaskan haiwan yang tidak disembelih atau disembelih selain Allah SWT adalah diharamkan kerana termasuk dalam kategori bangkai. Penularan maklumat halal palsu yang dikaitkan dengan sembelihan dan sumber bangkai, antaranya adalah:

- a) Isu ayam yang dijual di pasaraya Econsave tidak disembelih²⁵ dan isu ayam yang ditebus leher dijual di pasaraya Giant²⁶. Pengguna laman sosial digemparkan dengan penularan foto seekor ayam yang telah ditebus pada bahagian leher dan bukannya disembelih mengikut kaedah sembelihan menurut Syarak.
- b) Produk minuman Redbull²⁷. Minuman tenaga Redbull didakwa haram diminum kerana mengandungi Taurine, iaitu sejenis Asid Amino yang dihasilkan daripada organ haiwan ternakan seperti lembu, babi, kucing dan itik. Penyebar maklumat mendakwa mereka was-was dengan sumber Taurine yang diperoleh dari organ haiwan yang sudah mati atau bangkai.

iv. Isu-isu lain

Selain daripada isu yang melibatkan khinzir, arak dan bangkai, terdapat juga beberapa isu palsu yang ditularkan oleh pengguna. Antaranya adalah:

²⁰ <http://www.sentiasapanas.com/2014/05/senarai-barang-ada-dna-babi-halal.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.

²¹ Muhammad Rawwas Qal'ahji, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*, (Beirut: Dar al-Nafa'is, 1996), 179.

²² Jamaludin, M. A., Hashim, D. M., Rahman, R. A., Ramli, M. A., Majid, M. Z. A., Othman, R. dan Amin, A. (2016), Determination of Permissible Alcohol And Vinegar In Shariah And Scientific Perspectives. *International Food Research Journal* 23(6): 2737-2743.

²³ "Produk Munchy's disahkan halal: JAKIM"/<http://www.hmetro.com.my/node/31057/> diaksess pada 6 Januari 2018.

²⁴ <http://truthhalal.my/carlsberg-malaysia-ada-tanda-halal-jakim/> diaksess pada 6 Januari 2018.

²⁵ <http://mberita2online.blogspot.my/2016/06/econsave-jual-ayam-tak-sembelih-jakim.html> diaksess pada 6 Januari 2018.

²⁶ <http://aans1.blogspot.com/2014/07/berita-terkini-isu-ayam-tebus-leher-di.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.

²⁷ <http://bencigst.blogspot.my/2015/06/inilah-sebab-mengapa-red-bull-dikata.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.

- a. Biskut raya didakwa diimport dari negara China dan menggunakan logo halal palsu²⁸. Produk ini dijual di dua buah pasar raya di negeri Johor, iaitu di Kluang dan Ledang. Namun, hasil pemeriksaan tiada bukti yang menunjukkan mereka menggunakan logo halal palsu ataupun bukti yang menunjukkan biskut tersebut diimport dari negara China. Malah ia merupakan produk keluaran IKS tempatan.
- b. Isu beras tiruan/plastik. Syarikat pengedar beras tempatan iaitu Faiza²⁹ dan Sukaramai³⁰ telah dikaitkan dengan penjualan beras tiruan ke pasaran tempatan. Maklumat ini ditularkan ekoran timbulnya isu penghasilan beras tiruan di negara China.
- c. Isu produk milo yang dicampur cacing³¹. Produk minuman milo didakwa mengandungi cacing kerana lendir cacing digunakan untuk memekatkan milo.
- d. Makanan dalam tin mengandungi darah HIV. SMS itu mendakwa kira-kira 200 pembawa virus HIV di Thailand telah diarahkan ketua mereka untuk mencemari makanan dalam tin menggunakan darah mereka³².
- e. Air minuman upin ipin didakwa mengandungi dadah³³. Produk minuman upin ipin pelbagai perasa didakwa haram kerana mengandungi bahan terlarang, iaitu dadah. Namun, pengedar dadah telah menggunakan botol-botol berkenaan untuk mengedarkan dadah kepada pelanggan mereka. Tindakan licik ini telah ditangani oleh pihak berkuasa.

MEDIUM PENULARAN MAKLUMAT HALAL PALSU

Internet merupakan satu penemuan teknologi yang banyak mengubah cara hidup manusia. Ia semakin menjadi pilihan pengguna kini. Malah penggunaan internet sudah dianggap sebagai satu keperluan hidup kerana banyak aktiviti melibatkan penggunaannya. Namun, penularan maklumat tanpa batasan telah memberi satu identiti kepada internet iaitu sebagai medium penyebar berita palsu atau khabar angin. Kemunculan pelbagai media sosial baharu sebagai platform komunikasi kini menyemarakkan interaksi antara manusia di alam maya³⁴. Ia turut memberi kesan terhadap pencarian maklumat halal, namun tidak kurang juga menjadi wadah penularan maklumat halal palsu dalam kalangan pengguna Muslim.³⁵ Dalam era maklumat di hujung jari, ruang komunikasi menjadi bertambah mudah. Penularan dapat dilakukan dengan pantas. Sebagai sebuah sistem komunikasi yang terbuka, tiap maklumat dapat dipindahkan kepada pihak-pihak lain lebih meluas dan murah sehingga memberi pelbagai kesan kepada kehidupan manusia. Sehubungan itu, penularan ini menggunakan pelbagai medium, antaranya:

²⁸ <http://truthhalal.my/hati-hati-dengan-lambakan-biskut-raya-dari-china-diragui/> diaksess pada 6 Januari 2018.

²⁹ <http://www.sinarharian.com.my/edisi/johor/syarikat-faiza-nafi-jual-beras-tiruan-1.395137/> diaksess pada 6 Januari 2018.

³⁰ <http://www.sinarharian.com.my/semasa/tak-logik-ada-beras-palsu-bercampur-plastik-1.404807/> diaksess pada 6 Januari 2018.

³¹ https://www.facebook.com/notes/like-sampai-lebam/suka-minum-milo-dan-makan-sardin-baca-ni-dulu/1603025_14029790/ diaksess pada 6 Januari 2018.

³² <http://669news.blogspot.com/2014/01/hiv-disebarkan-dalam-makanan-dalam-tin.html/> diaksess pada 6 Januari 2018.

³³ <http://www.sinarharian.com.my/semasa/minuman-upin-ipin-tiada-dadah-1.418914/> diaksess pada 6 Januari 2018.

³⁴ Siti Ezaleila Mustafa & Azizah hamzah. "Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan" *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 2010, 12(2): 37–52.

³⁵ Siti Zanariah Yusoff, Nazilah Mohamad, Mohd Faradi Ghazali, Nor Hafizah Abdullah, Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy, *The Usage of Social Media as an Information Seeking Tool of Halal Food Products*, International Journal of Applied Linguistics & English Literature, (2016), 5(6):245-248.

- a) Media sosial atau jaringan sosial. Misalnya facebook, Instagram, Telegram, WhatsApp, twitter dan seumpamanya.
- b) SMS dan emel-pesanan ringkas dan emel masih menjadi medium penularan maklumat halal palsu.
- c) Laman web dan blog. Sejumlah besar laman web telah dibangunkan untuk menjadi portal menularkan maklumat dan ada antaranya menjadi penyebar kepada maklumat halal palsu.

Maklumat yang diterima melalui medium-medium ini dihantar (*send*) kepada penerima, kemudiannya dikongsi ke rangkaian lain sama ada melalui butang *share*, *retweet*, *like*, *repost*, *print screen* dan sebagainya selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Sedangkan sebelum zaman ledakan teknologi komunikasi dan maklumat, mediumnya hanya terbatas melalui surat berantai dan berkembang ke emel berantai. Namun kini, proses penularan lebih kompleks dan meluas kerana ia bersifat percuma dan mudah untuk diakses oleh tiap golongan pengguna tanpa mengira lapisan usia dan batasan geografi.

MODUS OPERANDI PENULARAN

Secara asasnya, objektif pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat adalah untuk manfaat para pengguna. Begitu pun, teknologi telekomunikasi yang canggih pada masa kini menjadi ibarat *duri dalam daging* apabila ia digunakan bagi menularkan maklumat palsu berkaitan produk pengguna tanpa sebarang tapisan. Untuk memperlihatkan kandungan maklumat meyakinkan para penerima, kebiasaannya para pencipta maklumat palsu ini akan menggunakan beberapa modus operandi, antaranya:³⁶

- i. Meletakkan nama pihak yang berpengaruh sama ada seorang ulama, seorang pegawai yang berautoriti dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Penyalahgunaan nama pihak berkenaan akan menimbulkan persepsi awal pengguna yang bersifat negatif terhadap sesuatu produk.
- ii. Mengeksploitaskan agama dengan menyertakan fadilat penularan. Golongan penyebar turut menampilkan kelebihan-kelebihan khusus untuk menarik perhatian penerima. Kelebihan ini menggalakkan para penerima untuk menyebarluaskan maklumat palsu berkenaan. Misalnya, disertakan ganjaran pahala, menyelamatkan orang yang disayangi, ahli keluarga dan umat Islam dan seumpamanya.
- iii. Memuatkan ancaman. Selain umpan fadilat yang ditawarkan, pihak penyebar maklumat palsu juga menambah ancaman kepada mereka yang tidak memanjangkan mesej atau maklumat yang diterima. Misalnya ancaman dosa tidak menyelamatkan orang Islam daripada perkara haram, mengikut bisikan syaitan dengan tidak berkongsi maklumat berkenaan dan sebagainya.
- iv. Memanipulasikan sentimen perkauman dan stereotaip perkauman. Terdapat juga maklumat palsu yang disebarluaskan dengan membangkitkan sentimen perkauman. Sedangkan produk berkenaan telah mendapat pensijian halal yang diiktiraf walau pengusaha bukan Islam. Misalnya membandingkan antara produk keluaran Melayu Muslim dengan pengusaha bukan Islam yang lain. Pendekatan ini bertentangan dengan syariat Islam, yang tidak menghalang muamalah dengan orang bukan Islam.

³⁶ Hasil analisis pengkaji terhadap maklumat palsu berkaitan produk halal.

PERSPEKTIF ISLAM TENTANG PENULARAN MAKLUMAT PALSU BERKAITAN PRODUK HALAL

Dalam menghadapi gejala penularan maklumat palsu tentang produk halal, Islam telah menggariskan beberapa panduan. Antaranya tindakan penularan maklumat halal palsu boleh diibaratkan dengan perbuatan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Menurut al-Qaradawi, mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram sama dengan syirik.³⁷ Ini kerana Islam telah mencela sikap orang yang suka menentukan halal dan haram, maka orang yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram pula adalah lebih berat dan teruk. Ini adalah kerana mereka telah memberi kesempitan dan kesukaran bagi manusia, sedangkan perkara tersebut telah Allah berikan keluasan.³⁸

Sesungguhnya, Allah SWT adalah tuhan sekalian manusia dan Dia telah mensyariatkan kepada manusia dengan hukum hakam. Kuasa untuk menentukan sesuatu hukum hanyalah milik Allah SWT berdasarkan firmanNya di dalam surah Yunus, ayat 59:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا قُلْ إِنَّ اللَّهَ أَذِنَ لَكُمْ
أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَوْنَ ﴿٥٩﴾

Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): "Sudahkah kamu nampak baik-buruknya sesuatu yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal?" Katakanlah lagi (kepada mereka): "Adakah Allah izinkan bagi kamu berbuat demikian, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?".

Dalam satu athar yang diriwayatkan oleh Abu al-Bakhtari, Huzaifah telah ditanya mengenai firman Allah SWT: Mereka (orang Yahudi dan Nasrani) telah menjadikan pendita-pendita dan ahli agama mereka sebagai penghukum selain dari Allah SWT (al-Tawbah: 31). Adakah mereka telah menyembah pendita dan ahli agama mereka? Jawab Huzaifah:

لَا ، وَلَكِنَّ أَحْلَوْا لَهُمُ الْحَرَامَ فَاسْتَحْلُوهُ ، وَحَرَمُوا عَلَيْهِمُ الْحَلَالَ فَحَرَمُوهُ

Tidak, tetapi mereka telah menghalalkan perkara yang telah diharamkan oleh Allah SWT, dan mengharamkan perkara yang telah dihalalkan oleh Allah SWT³⁹.

Dua dalil ini secara jelas mengharamkan perbuatan menukar hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Namun begitu, timbul pula persoalan bagaimana pula dengan

³⁷ Al-Qaradawi, Yusuf. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Cetakan 22, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997), 26.

³⁸ Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar & Mohd Anuar Ramli. Prinsip-Prinsip Halal Dan Haram Menurut Yusuf Al-Qaradawi. Nurdeng Deuraseh et al. (eds.). *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. (Serdang: Penerbit UPM, 2013), 118-125.

³⁹ Diriwayatkan oleh Ibn Abi Shaybah di dalam *Kitab al-Zuhd*, no. athar 36084. Al-Qurtubi, Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur‘an*, ed. ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki et al. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006), 10:177; dan Ibn Abi Shaybah, al-Imam Abi Bakr ‘Abdullah bin Muhammad bin Abi Shaybah al-‘Absi al-Kufi, *al-Musannaf*, ed. Muhammad ‘Awwamah (Beirut: Dar al-Qiblah dan Muassasah ‘Ulum al-Qur‘an, 2006), 19:293.

orang yang mengikut pendapat yang menukar hukum ini. Bagaimanakah kedudukan mereka sebagai pihak yang mengaplikasikan hukum yang telah ditukar tadi? Muhammad bin Salih al-'Uthaymin telah membahagikan kumpulan ini kepada tiga⁴⁰.

Pertama: Jika mereka mengikut pihak yang menukar hukum tersebut dalam keadaan mereka redha dan benci kepada hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, maka mereka boleh jatuh kafir berdasarkan firman Allah SWT: *Kerana sesungguhnya mereka tidak menyukai apa yang diturunkan oleh Allah SWT, lalu Allah SWT menggugurkan amalan mereka* (Muhammad: 9)⁴¹. Berdasarkan ayat ini, sesuatu amalan tidak akan digugurkan melainkan dengan kekufuran. Maka, setiap muslim yang membenci kepada hukum dan syariat yang telah diturunkan oleh Allah swt boleh menjadi kafir.

Kedua: Dia mengikut pendapat yang salah tersebut dalam keadaan dia mengetahui kebenaran dan mengakui syariat yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Namun begitu, disebabkan nafsu yang menguasai dirinya, dia terus mengikut pendapat tersebut. Orang seperti ini dikira sebagai fasiq.

Ketiga: Dia mengikut pendapat salah tersebut dalam keadaan dia jahil akan kebenaran.

- (1) Jika dia mempunyai kemahiran untuk mengkaji dan mencari kebenaran tetapi dia malas, maka dia telah berdosa kerana Allah SWT telah menyuruh supaya kita bertanya kepada orang berilmu⁴² jika terdapat perkara-perkara yang tidak kita ketahui.
- (2) Jika dia tidak mempunyai sebarang kemahiran atau kelengkapan untuk mengkaji dan mencari kebenaran, maka dia tidak akan menanggung dosa. Sebaliknya, dosa tersebut akan dipikul oleh orang yang telah memberikan fatwa atau hukum yang salah tersebut kepadanya. Hal ini jelas disebutkan oleh Nabi SAW:

من أفتى بغير علم ، فإنما إثمها على من أفتاه

Sesiapa yang telah memberikan fatwa tanpa mempunyai sebarang ilmu, maka dosa tersebut akan ditanggung olehnya⁴³.

Jelasnya, pengguna yang bertindak menularkan maklumat tanpa melakukan tabayyun tertakluk kepada implikasi hukum yang tertentu. Ini kerana perbuatannya dipertanggungjawabkan. Sekiranya maklumat tersebut palsu, pengguna tersebut kemungkinan menghadapi tindakan undang-undang.

⁴⁰ Fahd bin Nasir bin Ibrahim al-Sulayman (ed.), *Majmu 'Fataawa wa Rasa'il Fadilah al-Syaikh Muhammad bin Salih al-'Uthaymin*, (Riyad: Dar al-Watan li al-Nahr, 1413H), 2:197-198.

⁴¹ Menurut al-Shawkani, Allah SWT telah menggugurkan amalan mereka kerana amalan 'kebaikan' yang dilakukan oleh mereka bertentangan dengan hukum asal yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad, *Fath al-Qadir*, ed. Yusuf al-Ghush (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2007), 1373.

⁴² Lihat surah al-Nahl: 43 dan al-Anbiya': 7.

⁴³ Hadis diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam *Kitab al-'Ilm, Bab al-Tawaqqi fi al-Futuya*, no. hadis 3657. Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi, *Sunan Abi Dawud*, dicetak bersama al-Khattabi, *Ma 'alim al-Sunan*, ed. 'Izzat 'Ubayd al-Da'as dan 'Adil al-Sayyid (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1997), 4:44.

APLIKASI KONSEP AL-TABAYYUN DALAM MENAPIS MAKLUMAT PALSU PRODUK HALAL

Allah SWT telah menyuruh orang Islam verifikasi setiap maklumat yang diperoleh lebih-lebih lagi jika maklumat tersebut datangnya dari orang yang tidak boleh dipercayai dan meragukan. Hal ini boleh dilihat menerusi firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوهُ قَوْمًا بِجَهَنَّمَةِ فَتُصْبِحُوهُ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ شَدِيدِ مِينَ

Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - Dengan sebab kejahanan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

(al-Hujurat (49): 6)

Al-Qurtubi menyebutkan bahawa ayat ini menolak pandangan sesetengah pihak yang mengatakan setiap orang Islam itu dipercayai ('adil) kerana Allah SWT secara jelas telah menyuruh menyelidik sesuatu berita sebelum ia boleh diterima⁴⁴. Jadi, apabila sesuatu berita diperoleh sama ada melalui medium percakapan atau teknologi seperti facebook, whatsapp dan sebagainya, berita tersebut perlu diverifikasi.

Nabi SAW menyarankan agar bercakap benar dan menjauhi pendustaan⁴⁵. Sabda Baginda SAW:

عَيْنُكُمْ بِالصِّدْقِ ، فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ ، وَمَا يَرَأُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْيقًا وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ ، وَمَا يَرَأُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا"

Terjemahan: Hendaklah kamu bercakap benar. Sesungguhnya kebenaran membawa kepada kebaikan. Sesungguhnya kebaikan membawa ke syurga. Seorang lelaki yang sentiasa bercakap benar, dan menjaga kuat kebenaran tersebut hingga ditulis sebagai seorang yang benar. Jauhilah dusta. Sesungguhnya pendustaan akan membawa kepada keburukan. Sesungguhnya keburukan membawa ke neraka. Seorang lelaki yang sentiasa berdusta hingga ditulis di sisi Allah sebagai seorang pendusta.

⁴⁴ Al-Qurtubi, Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur‘an*, ed. ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki et al. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006), 19:370.

⁴⁵ Muslim, *Sahih Muslim*, no. hadis: 4727.

Malah, sikap tidak terburu-buru dalam menyebarkan adalah sangat dituntut ke atas orang Islam. Sabda Nabi SAW:

التأني من الله والعجلة من الشيطان

Terjemahan: *Sikap bertenang itu dari Allah SWT dan terburu-buru itu dari syaitan.*⁴⁶

Justeru, sifat terburu-buru dalam menyebarkan maklumat palsu ini adalah dilarang dalam Islam. Namun, sebagai seorang pengguna yang berhemah, kita perlu mengambil tindakan yang berhati-hati (*al-tathabbut*) sebelum menulkarkannya.

Pertama, baca dan fahami maklumat yang diterima dengan baik. Cuba analisis kandungan maklumat yang diterima. Kenalpasti persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah jenis produk yang disebarluaskan?
2. Apakah bahan haram yang dikaitkan?
3. Siapakah pengeluar atau pengusaha produk sama ada Muslim bukan Muslim dan bumiputera atau bukan?
4. Siapakah pihak autoriti yang dikambinghitamkan?
5. Siapakah penularnya?
6. Apakah motif penularan?
7. Siapakah golongan Sasaran penularan?
8. Apakah manfaat penularan dan ancaman jika tidak ditularkan?

Sekiranya, ada maklumat yang meragukan, ada dua pilihan di tangan pengguna sama ada hendak memadamkannya atau menyemak lanjut maklumat berkenaan sebelum dikongsi dan disebarluaskan kepada pihak lain.

Kedua, semak dengan pihak yang berautoriti kesahihan maklumat berkenaan agar maklumat halal palsu tidak berlegar-legar di alam maya.

Ketiga, sebarkan sekiranya maklumat tersebut dipastikan sahih agar pengguna Muslim mendapat manfaat di sebalik maklumat berkaitan. Kadangkala penyebar hanya menggunakan pendekatan bahasa halus, parodi, satira, sarkastik, *troll*, provokatif, perli dan sinikal semata-mata tetapi diambil serius oleh para penyebar kerana penularan maklumat ini tidak berintonasi (nada) dan boleh ditanggapi dengan pelbagai tafsiran.

Dalam konteks Malaysia, pengguna boleh mengakses maklumat halal dengan cara-cara berikut:

(1) semakan status halal JAKIM secara online:

- Pengguna boleh menyemak status HALAL sesuatu produk di direktori halal, <http://www.halal.gov.my/.../dire.../126-direktori-halal-malaysia>
- Senarai syarikat yang ada Sijil Halal JAKIM boleh disemak di <http://www.halal.gov.my/.../index.../ms/direktori-halal-malaysia>
- Senarai hotel yang ada Sijil Halal JAKIM boleh disemak di <http://www.halal.gov.my/.../senara.../241-carian-direktori-hotel>

(2) Semakan status halal menerusi SMS.

Jika ragu-ragu tentang kehalalan produk sesuatu syarikat, boleh juga cuba semak dengan telefon pintar:

Taip HALAL SEMAK [No. ROC] & SMS ke 15888.

⁴⁶ Al-Mundhiri, Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim, *al-Targhib wa al-Tarhib*, ed. Muhammad al-Sayyid (Kaherah; Dar al-Fajr li al-Turath, 1421H), 3:363.

(3) Semakan status halal menerusi aplikasi:

- a. Aplikasi ini merujuk kepada direktori Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM Malaysia. Ia memaparkan carian status halal syarikat, produk, premis makanan, menu dan rumah sembelihan yang tersenarai dalam direktori JAKIM lengkap dengan tarikh luput lesen halal. Semua maklumat adalah daripada pangkalan data JAKIM.⁴⁷
- b. App Halal-HDC. Halal Development Center turut membangunkan aplikasi untuk memeriksa status halal premis makanan.⁴⁸

TINDAKAN DALAM MENANGANI PENULARAN MAKLUMAT PALSU BERKAITAN PRODUK HALAL

1. Rujuk autoriti agama. Dalam konteks isu halal yang ada di Malaysia, pengguna sebenarnya sangat beruntung kerana pihak JAKIM telah membuat satu laman sesawang khusus yang menyenaraikan syarikat-syarikat dan produk-produk patuh syariah. Malah, mereka juga menyenaraikan hotel-hotel yang patuh syariah di samping logo-logo halal di luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM. Jadi, bagi sesiapa yang mempunyai akses ke laman web tersebut, mereka sudah tidak mempunyai alasan untuk mengatakan tidak tahu status halal sesuatu makanan.
2. Jangan sebarkan dengan mudah. Setiap maklumat yang diterima perlu dikaji kebenarannya sebelum disebarluaskan kepada pihak ketiga. Golongan kanak-kanak dan remaja perlu diawasi dalam penggunaan internet. Mereka adalah golongan yang paling mudah menerima maklumat yang tidak ditapis daripada gajet-gajet canggih dan menyebarkannya tanpa usul periksa.
3. Yakin dengan logo halal pihak autoriti. Logo halal yang dikeluarkan oleh pihak autoriti agama perlu diyakini oleh pengguna Muslim. Sikap meragui tanpa alasan munasabah akan menyebabkan suasana kepanikan dan ketidakteraman dalam masyarakat Islam. Ini kerana tiada pihak lain yang lebih berautoriti dalam urusan halal masyarakat Islam melainkan yang diiktiraf pemerintah. Sebagai pengguna, tiada pilihan yang praktikal dalam pemilihan produk makanan selain berdasarkan logo halal yang diiktiraf.
4. Menguatkuasakan perundangan dengan tegas kerana ia termasuk dalam kategori jenayah siber.⁴⁹ Sebarang penularan maklumat-maklumat palsu di media sosial boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 211 atau 233 Akta Komunikasi dan Mutimedia 1998 dan Akta Antiberita Tidak Benar 2018. Penularan melalui ruang siber ini boleh dikategorikan fitnah *libel* atau *cyber libelous*.⁵⁰
5. Memperkasakan pendidikan halal.⁵¹ Program pendidikan melibatkan kesedaran halal (*halal awareness*) dalam kalangan pengusaha industri khususnya dan khalayak pengguna amnya. Pengenalan kepada konsep *halalan tayyiba* (halal lagi baik) adalah perlu

⁴⁷ *Halal*, <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hdcglobal.halal&hl=en> diaksess pada 6 Januari 2018.

⁴⁸ *MyJakim*, <https://play.google.com/store/apps/details?id= com.crespro.myapp.jakimnew &hl=en/> diaksess pada 6 Januari 2018.

⁴⁹ Suhaimee Saahar @ Saabar dan Rusyda Helma Binti Mohd. "Fitnah Siber: Satu Tinjauan Dari Sudut Islam, Perlembagaan Dan Undang-undang", Legal Network Series, 1-38.

⁵⁰ Ahmad Asadullah, Bello Yarima & Yusuf Aliyu, 2014. "The Ethics of Information and Communication Technology: An Islamic Overview" *International Journal of Information and Communication Technology Research*, 4(2): 45-49.

⁵¹ Mohd Akmal Sidik, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. Module Development of Halal Consumerism Education in Malaysia, *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*, (Singapura: Springer, 2016), 239-250.

memandangkan ia asas kepada kepenggunaan bagi masyarakat Islam. Begitu juga bagi masyarakat bukan Islam, mereka turut mempunyai peraturan yang tertentu dalam aspek kepenggunaan, lebih-lebih lagi pemakanan. Penanaman kesedaran halal ini dapat memberi maklumat tepat kepada semua pihak. Melalui pendidikan halal juga, masyarakat akan mempunyai kesedaran terhadap isu halal dan mampu membezakan antara fakta dan auta pihak yang menularkannya. Selain itu, melalui ilmu halal haram juga, pengguna Muslim tidak terjerat dalam sindrom pseudo-sufisme, iaitu merasakan mengambil tindakan yang dirasakan warak, tetapi hakikatnya bersumberkan kejahilan. Dengan kata lain, sesuatu isu difahami tidak berdasarkan apa yang dirasakan, tetapi berdasarkan kefahaman yang jelas dan ilmu yang benar. Pendek kata, amalan berkaitan halal haram adalah berdasarkan ilmu yang sahih agar tidak dimanipulasi oleh pihak-pihak berkepentingan.

PENUTUP

Tuntasnya, gejala penularan maklumat halal palsu perlu dibanteras secara serius. Saban hari, maklumat palsu berkaitan dengan produk halal ditularkan di alam maya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tiadanya penguatkuasaan yang tegas menyebabkan penularan ini berleluasa dan mengganggu ketenteraman pengguna Muslim. Oleh itu, sebelum sesuatu maklumat yang diterima hendak dikongsi kepada pihak ketiga, pendekatan *al-tabayyun* perlu dititikberatkan bagi memastikan aspek kesahihannya. Setelah dipastikan status kesahihannya, barulah ia dikongsi atau ditularkan kepada pihak lain.

Intinya, semua pihak perlu bergandingan dalam menangani gejala penularan maklumat halal palsu dalam masyarakat Islam. Sememangnya penting untuk masyarakat untuk cerdik teknologi komunikasi dan maklumat, namun ia perlu diguna secara beretika, berhemah dan bermanfaat menurut keperluan yang tidak menyalahi undang-undang yang sedia ada. Ini kerana selain menimbulkan kegusaran dan ketidakharmonian dalam masyarakat, gejala ini turut mengganggu kelestarian ekosistem halal di Malaysia khususnya, dan global umumnya.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash‘athal-Sijistani al-Azdi, *Sunan Abi Dawud*, dicetak bersama al-Khattabi, *Ma‘alim al-Sunan*, ed. ‘Izzat ‘Ubayd al-Da‘as dan ‘Adil al-Sayyid, Beirut: Dar Ibn Hazm, 1997.
- Ahmad Asadullah, Bello Yarima & Yusuf Aliyu, “The Ethics of Information and Communication Technology: An Islamic Overview” *International Journal of Information and Communication Technology Research*, 2014, 4(2): 45-49.
- Al-Mundhiri, Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim, *al-Targhib wa al-Tarhib*, ed. Muhammad al-Sayyid, Kaherah; Dar al-Fajr li al-Turath, 1421H.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Cetakan 22, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997.
- Al-Qurtubi, Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, *al-Jami‘ li Akhdam al-Qur‘an*, ed. ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki et al., Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006.
- Al-Shawkani, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad, *Fath al-Qadir*, ed. Yusuf al-Ghush, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 2007.

- Cameron H. Malin, Terry Gudaitis, Thomas J. Holt, Max Kilger, *Viral Influence: Deceptive Computing Attacks Through Persuasion*, Editor(s): Cameron H. Malin, Terry Gudaitis, Thomas J. Holt, Max Kilger, *Deception in the Digital Age*, United Kingdom: Academic Press, 2017, 77-124.
- Fahd bin Nasir bin Ibrahim al-Sulayman (ed.), *Majmu ‘Fatawa wa Rasa’il Fadilah al-Syaikh Muhammad bin Salih al-Uthaymin*, Riyad: Dar al-Watan li al-Nahr, 1413H.
- Hassan Ibrahem Abdullah Amqizal, Hassan Abdullah Al-Kahtani, Elsayed Ali Ismail, Khizar Hayat, Irwandi Jaswir, Identification and verification of porcine DNA in commercial gelatin and gelatin containing processed foods, *Food Control*, 78, 2017, 297-303.
- <http://669news.blogspot.com/2014/01/hiv-disebarkan-dalam-makanan-dalam-tin.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://aans1.blogspot.com/2014/07/berita-terkini-isu-ayam-tebuk-leher-di.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://bencigst.blogspot.my/2015/06/inilah-sebab-mengapa-red-bull-dikata.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://gempaqgiler.blogspot.com/2013/09/senarai-makanan-mengandungi-unsur-babi.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://malayn3um.blogspot.com/2010/08/lemak-babi-dlm-lychee-aku.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://mberita2online.blogspot.my/2016/06/econsave-jual-ayam-tak-sembelih-jakim.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://truthhalal.my/carlsberg-malaysia-ada-tanda-halal-jakim/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://truthhalal.my/hati-hati-dengan-lambakan-biskut-raya-dari-china-diragui/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://truthhalal.my/starbucks-disahkan-haram-oleh-jakim/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.beritasemasa.com.my/coklat-cadbury-malaysia-dna-babi-jakim-kkm/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- [http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/berita/244-isu-berkenaan-aduan-starbuck coffee/](http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/berita/244-isu-berkenaan-aduan-starbuck-coffee/) diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.hmetro.com.my/node/31057/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.melvister.com/2011/08/produk-simply-siti-tidak-halal-diperbuat-dari-bulu-babi.html#ixzz3fSWWeuiu> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.sentiasapanas.com/2014/05/senarai-barang-ada-dna-babi-halal.html>/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.sinarharian.com.my/edisi/johor/syarikat-faiza-nafi-jual-beras-tiruan-1.395137/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.sinarharian.com.my/semasa/minuman-upin-ipin-tiada-dadah-1.418914/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.sinarharian.com.my/semasa/tak-logik-ada-beras-palsu-bercampur-plastik-1.404807/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <http://www.suara.tv/2015/05/29/jakim-nafi-ajinomoto-guna-sumber-babi/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <https://go4halal.wordpress.com/halalharam/> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <https://play.google.com/store/apps/details?id= com.crespro.myapp.jakimnew &hl=en> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hdcglobal.halal&hl=en> diaksess pada 6 Januari 2018.
- <https://www.facebook.com/berita0nline/posts/710374762365980/> diaksess pada 6 Januari 2018.

- <https://www.facebook.com/notes/like-sampai-lebam/suka-minum-milo-dan-makan-sardin-baca-ni-dulu/> 1603025 14029790/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- https://www.facebook.com/shbtHalal/posts/497782060334173?stream_ref=5/ diaksess pada 6 Januari 2018.
- Ibn Abi Shaybah, al-Imam Abi Bakr ‘Abdullah bin Muhammad bin Abi Shaybah al-‘Absi al-Kufi, *al-Musannaf*, ed. Muhammad ‘Awwamah, Beirut: Dar al-Qiblah, 2006.
- Mohd Afifuddin Mohamad et al. *Islam dan Sains Kesihatan: Mudarat dan Manfaat Babi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Hashim, D. M., Rahman, R. A., Ramli, M. A., Majid, M. Z. A., Othman, R. dan Amin, A., Determination of Permissible Alcohol And Vinegar In Shariah And Scientific Perspectives. *International Food Research Journal* (2016) 23(6): 2737-2743.
- Mohd Akmal Sidik, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. Module Development of Halal Consumerism Education in Malaysia, *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*, Singapura: Springer, 2016, 239-250.
- Muhammad bin Ibrahim bin al-Munzir al-Naysaburi. *al-Ijma'*, cet. 2, Daulah al-Imarat al-‘Arabiyyah al-Muttahidah : Maktabah al-Furqan, 1999.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar & Mohd Anuar Ramli. Prinsip-Prinsip Halal Dan Haram Menurut Yusuf Al-Qaradawi. Nurdeng Deuraseh et al. (eds.). *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM, 2013.
- Muhammad Rawwas Qal‘ahji, *Mu’jam Lughah al-Fuqaha*', Beirut: Dar al-Nafa‘is, 1996.
- Muslim, Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, ed. Abu Qutaybah Nazr Muhammad al-Fariyabi, Riyad: Dar Tibah, 2006.
- Nurhafilah Musa, Nazri Muslim, Mohd Fakaruddeen Che Omar & Asmak Husin, The Cadbury Controversy: Blessings in Disguise? *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*, Singapura: Springer, 2016, 95-104.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah hamzah. "Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan" *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 2010, 12(2): 37–52.
- Siti Zanariah Yusoff, Nazilah Mohamad, Mohd Faradi Ghazali, Nor Hafizah Abdullah, Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy, The Usage of Social Media as an Information Seeking Tool of Halal Food Products, *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, (2016), 5(6):245-248.
- Suhaimee Saahar @ Saabar dan Rusyda Helma Binti Mohd. "Fitnah Siber: Satu Tinjauan Dari Sudut Islam, Perlembagaan Dan Undang-undang", Legal Network Series, 1-38.